

Banjir: KSSB diarah lakukan kerja-kerja dalamkan sungai

GOMBAK 6 Jun - Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB), anak syarikat kerajaan negeri yang bertanggungjawab menguruskan industri pasir di Selangor diarah segera menjalankan kerja-kerja mendalamkan sungai di sepanjang Sungai Pusu dalam usaha mengatasi masalah banjir melibatkan melibatkan beberapa kawasan di daerah itu.

Arahan kerajaan negeri itu dibuat selepas lawatan agensi dan jabatan terlibat ke lokasi banjir dan mesyuarat teknikal yang diadakan semalam.

Pegawai Daerah Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, kerja-kerja mengorek sungai itu merupakan langkah jangka pendek dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM300,000.

Menurutnya, masalah utama di kawasan berkenaan disebabkan Sungai Pusu semakin cetek dan apabila berlaku hujan lebat, air mengalir keluar dan melimpah ke kawasan

kampung.

"Kerja-kerja mendalamkan sungai akan tertumpu di sepanjang Sungai Pusu dengan pemantauan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

"Peruntukan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri melalui Unit Perancangan Negeri Selangor (UPEN) itu turut melibatkan kerja-kerja melebar dan pembinaan tebing konkrit," katanya.


Beliau berkata demikian bagi mengulas kejadian banjir kilat yang menenggelamkan kampus induk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan beberapa buah kampung berhampiran di Gombak ekoran hujan lebat berterusan selama tiga jam dua hari lalu.

Nor Hisham berkata, kesemua kos terpaksa ditanggung oleh kera-

jaan negeri walaupun punca pencemaran sungai dan alam sekitar dikesan disebabkan penerokaan hutan secara haram oleh pemaju.

Katanya, pembeli lot-lot tanah di kawasan itu turut berasa tertipu kerana pihak pemaju tidak pernah mendapatkan sebarang kelulusan merancang bagi membangunkan kawasan terlibat, samada daripada pihak berkuasa tempatan atau lain-lain prosedur tukar syarat tanah di Pejabat Daerah dan Tanah Gombak.

"Pihak Pemaju berkeana sebenarnya telah diambil tindakan kerana melanggar Seksyen 27 dan 28 Akta Kanun Tanah Negara 1965 yang membolehkan tanah-tanah tersebut dirampas semula," katanya.



NOR HISHAM



KEADAAN air keruh yang mengalir di longkang besar berhampiran kampus induk UIAM, Gombak, Selangor kesan banjir kilat dua hari lalu. - UTUSAN/MUHD FITRI AZAHAR